

14/01/1998

Zakat: Sistem MAIWP dicontohi

Badrila Jamlus

KUALA LUMPUR, Selasa- Sistem Pungutan Zakat yang dilaksanakan oleh Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Wilayah Persekutuan (MAIWP) berkesan dan diguna pakai oleh majlis agama negeri lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata sejak sistem itu dikemaskini jumlah pungutan zakat meningkat.

Beliau berpuas hati dengan pendekatan berbeza itu kerana ia menarik lebih ramai umat Islam mengeluarkan zakat dan kejayaan sistem itu menjadi contoh majlis agama negeri lain.

Sebelum ini, Abdul Hamid mengumumkan kerajaan akan menyelaraskan sistem pungutan zakat di seluruh negara melalui penubuhan Lembaga Urusan Zakat Malaysia (Luzam) yang kini dalam peringkat terakhir kajian.

Menurutnya, melalui penubuhan Luzam, pengendalian zakat pendapatan di semua negeri akan dapat diseragamkan selepas fatwa berkaitan zakat diwartakan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa.

Antara negeri yang sudah melaksanakan sistem ini ialah Selangor, Pulau Pinang, Pahang dan Melaka yang terbukti berkesan berikutan jumlah kutipan zakat meningkat setiap tahun,

"Kita rasa zakat ini jika tidak dipungut dengan betul, ia tidak dapat diperolehi dengan berkesan dan menjadi tugas pemerintah untuk mengadakan kemudahan ini," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan hari raya kepada fakir miskin dan Muallaf Wilayah Persekutuan di Masjid Jamek Kampung Batu Muda, Jalan Ipoh dekat sini, malam ini.

Beliau yang juga Pengerusi MAIWP berkata, hasil daripada kutipan zakat itu diagihkan kepada umat Islam yang memerlukan bantuan dan digunakan untuk mengadakan pusat kemahiran yang diselenggarakan melalui Baitulmal.

Di majlis itu, seramai 50 fakir miskin dari kariah masjid menerima bantuan bentuk barangan dan wang tunai bernilai RM300 seorang.

Turut hadir ialah Pengarah Jabatan Agama Islam WP Wan Mahmood Wan Yaacob; Mufti WP Datuk Dr Hasyim Yahya; Ketua Hakim Mahkamah Syariah WP Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman dan Bekas mufti WP Tan Sri Abdul Kadir Talib.

Sementara itu, Abdul Hamid mengumumkan pelancaran secara rasmi Institut Profesional Baitulmal (IPB), Yayasan Masjid Malaysia dan Buku Masjid Malaysia (Sejarah dan Fungsi) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Masjid Negara pada 20 Januari ini.

Menurutnya, IPB yang ditubuhkan enam tahun lalu terletak di Kampung Pandan, Kuala Lumpur bertujuan membantu melahirkan golongan miskin berkelayakan profesional manakala Yayasan Masjid Malaysia bertindak untuk mengumpulkan dana untuk kegunaan pengurusan masjid dengan tersusun.

Pada tahun ini Baitulmal memperuntukkan RM1.27 juta untuk aktiviti sempena Ramadan dan pusat pungutan zakat WP tahun lalu yang dapat memungut sebanyak RM52.6 juta.

(END)